

UMP tempat ke-58 kampus lestari global

Pekan: Universiti Malaysia Pahang (UMP) tersenarai pada kedudukan ke-58 terbaik dunia berdasarkan usaha kelestarian kampus dan pengurusan alam sekitar dalam penarafan UI-Greenmetric World University Ranking yang diterbitkan, baru-baru ini.

Turut tersenarai, Universiti Putra Malaysia (UPM) di tangga ke-34, Universiti Malaysia Sabah (UMS) (44), Universiti Utara Malaysia (UUM) (54) manakala Universiti Malaya (UM) (68) dan Universiti Teknologi Malaysia (UTM) (85).

Naib Canselor UMP, Prof Datuk Dr Daing Nasir Ibrahim berkata, kedudukan UMP ini menyaksikan peningkatan 131 anak tangga berbanding kedudukan 189 dunia pada tahun 2015.

"Inisiatif penarafan yang diterajui Universiti Indonesia ini membabitkan 516 universiti di 74 negara seluruh dunia yang dinilai.

"Dengan pencapaian ini secara tidak langsung

mencabar pihak pengurusan UMP untuk terus meningkatkan usaha berkaitan bagi memastikan program penghijauan kampus terus memberikan manfaat kepada warga kerja dan mahasiswa universiti ini, khususnya dalam meningkatkan kualiti kehidupan dan kesihatan mereka," katanya ketika berucap dalam Program Penanaman Pokok dengan kerjasama Jabatan Perhutanan Negeri Pahang di Rimbunan Cendekia, UMP Pekan, kelmarin.

Penganjuran program itu sebagai meneruskan inisiatif penghijauan alam sekitar menerusi program penghijauan kampus dengan menanam 200 anak pokok spesies hutan.

Dr Daing Nasir berkata, UMP amat menghargai sokongan yang diterima daripada Jabatan Perhutanan Negeri dengan sumbangan 200 anak benih pokok ini untuk menjayakan inisiatif penghijauan UMP ke arah kampus yang sihat, sejahtera dan lestari alam sekitar.



DR Daing Nasir (kiri) menanam pokok pada majlis perasmian Program Tanam Pokok di Rimbunan Cendekia, UMP kampus Pekan.